

Berita Harian 28/7/22 (Page 16)

Pelajar Tingkatan Empat disyaki dibunuh kekasih

Hasil bedah siasat dapati remaja perempuan lemas akibat ditekup bantal

Oleh Ruwaida Md Zain
bhnews@bh.com.my

Klang: Seorang pelajar perempuan Tingkatan Empat ditemukan mati disyaki dibunuh kekasihnya selepas berselisih faham, di rumah lelaki itu di Kampung Idaman, Pandamaran, di sini, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Klang Se-

latan, Asisten Komisioner Cha Hoong Fong, berkata pihaknya menerima panggilan pada jam 3.40 pagi berhubung seorang remaja perempuan dijumpai dalam keadaan tidak sedarkan diri di halaman rumah itu.

“Pada jam 2 pagi semalam (kelmarin), suspek dipercayai membawa mangsa ke bilik di rumahnya, sebelum berlaku perselisihan faham dan suspek disyaki menyebabkan kematian mangsa.

“Hasil siasatan juga mendapati suspek disyaki mengangkat mangsa dan membawanya keluar dari bilik hingga ke halaman rumah itu.

“Suspek kemudian dipercayai meminta bantuan ahli keluarganya.

“Ahli keluarga menelefon polis memaklumkan mengenai kejadian

an itu, dan kematian mangsa disahkan pegawai perubatan yang tiba di lokasi berkenaan,” katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Klang Selatan, di sini, semalam.

Hoong Fong berkata, hasil pemeriksaan awal pada badan mangsa mendapati ada beberapa kesan calar dan lebam di bahagian muka serta leher.

“Hasil bedah siasat yang dijalankan pula mendapati punca kematian disebabkan lemas akibat ditekup disyaki menggunakan bantal. Bantal itu dijadikan barang bukti kes,” katanya.

Beliau berkata, mangsa berumur 16 tahun itu adalah pelajar sekolah di Lembah Klang, manakala suspek berusia 24 tahun dan tidak bekerja.

“Suspek dipercayai berkenalan



Hoong Fong menunjukkan barang kes pada sidang media di IPD Klang Selatan, Klang, semalam.

(Foto Faiz Anuar/BH)

dengan mangsa selama setahun dan hubungan mereka diketahui keluarga, malah suspek dikatakan sudah beberapa kali membawa mangsa ke rumah itu.

“Bagaimanapun ketika kejadian, ibu bapa serta abang suspek dikatakan sedang tidur serta tidak mendengar bunyi bising, dan hanya dikejutkan oleh suspek selepas kejadian berkenaan,” katanya.

Katanya, suspek yang tiada rekod lampau kini ditahan reman hingga 3 Julai depan bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

“Orang ramai yang ada maklumat berkaitan kejadian itu diminta menyalurkannya terus kepada IPD Klang Selatan melalui talian 03-33762222 atau mana-mana balai polis berhampiran,” katanya.